

28 OCT 2003

BELIA 4B MELAKA KUMPUL TANDATANGAN PENGHARGAAN KEPADA PM

MELAKA, 28 Okt (Bernama) -- Gerakan Belia 4B Melaka sedang mengumpul tangan tangan di atas sehelai kain rentang sebagai tanda penghargaan dan terima kasih penduduk Melaka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepanjang beliau menerajui Malaysia selama 22 tahun.

Timbalan Pengerusi Belia 4B Melaka, Hassan Abd Rahman berkata, kain rentang sepanjang kira-kira 100 meter itu kini ditempatkan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Air Keroh di sini, untuk membolehkan orang ramai menurunkan tanda tangan mereka bagi menghargai sumbangan Dr Mahathir yang akan bersara Jumaat ini.

Setakat ini kira-kira 6,000 tanda tangan berjaya dikumpulkan dan orang ramai masih boleh berbuat demikian sebelum Khamis ini, kerana kain rentang itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir pada satu perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada hari berkenaan, katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata kain rentang itu akan diserahkan sendiri oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam selaku Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia pada majlis itu sebagai penghargaan warga Melaka kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SBS BK